



4 Ogos 2021
4 August 2021
P.U. (A) 328

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2021

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 6) 2021.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Julai 2020.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan bagi Fasiliti Pembiayaan Pelancongan PENJANA yang diluluskan di bawah Tabung Bank Negara Malaysia yang disempurnakan di antara institusi kewangan peserta dengan perusahaan kecil dan sederhana daripada duti setem.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1)—

(a) hendaklah hanya terpakai kepada surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan yang disempurnakan menurut surat tawaran yang dikeluarkan oleh institusi kewangan peserta pada atau selepas 30 Julai 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2021; dan

(b) hendaklah tertakluk kepada syarat bahawa surat cara perjanjian pinjaman atau pembiayaan disertakan dengan surat tawaran daripada institusi kewangan peserta kepada perusahaan kecil dan sederhana yang menyatakan kelulusan fasiliti pinjaman atau pembiayaan itu.

(3) Dalam perenggan ini —

- (a) “institusi kewangan peserta” ertinya—
- (i) Affin Bank Berhad/Affin Islamic Bank Berhad;
 - (ii) Alliance Bank Malaysia Berhad/Alliance Islamic Bank Berhad;
 - (iii) AmBank (M) Berhad/AmBank Islamic Berhad;
 - (iv) Bank Islam Malaysia Berhad;
 - (v) Bank Simpanan Nasional;
 - (vi) CIMB Bank Berhad/CIMB Islamic Bank Berhad;
 - (vii) Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank;
 - (viii) Malayan Banking Berhad/Maybank Islamic Berhad;
 - (ix) Bank Muamalat Malaysia Berhad;
 - (x) Public Bank Berhad/Public Islamic Bank Berhad;
 - (xi) RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad;
 - (xii) Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank); dan